

Headline	Filem seram tempatan perbodohkan minda Melayu		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	2	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	304 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,643
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,930



## Filem seram tempatan perbodohkan minda Melayu

**Kebanyakan filem Melayu seram sekarang apabila kita tonton langsung tidak menimbulkan rasa seram atau takut, sebaliknya menjadi sesuatu yang lucu serta bodoh**

**PROF. DR. MOHAMAD HATTA AZAD KHAN**

**KUALA LUMPUR** – Dua tokoh akademik menyifatkan tindakan pengurusan stesen televisyen tempatan melambakkan filem hantu dan seram ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri sebagai perbuatan kurang bertanggungjawab.

Menurut mereka, kebanyakan filem hantu yang lucu itu sebenarnya cerita bodoh yang merendah-rendahkan cara pemikiran penonton terutamanya golongan Melayu ke tahap paling rendah.

Rektor Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), Prof. Dr. Mohamad Hatta Azad Khan berkata, pembikin filem-filem Melayu seharusnya berfikir ke hadapan bagi menghasilkan kar-

ya bermutu.

Beliau berkata, pemikiran mereka perlu setanding dengan tahap pemikiran masyarakat yang semakin maju.

“Kebanyakan filem Melayu seram sekarang apabila kita tonton langsung tidak menimbulkan rasa seram atau takut, sebaliknya menjadi sesuatu yang lucu dan bodoh.

“Filem-filem seperti ini sangat memperbodohkan orang Melayu dan memberi kesan negatif daripada segi persepsi bahawa tingkat pemikiran mereka sangat rendah, walhal realitinya tidak seperti itu,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau menambah, pembikin-pembikin filem sepatutnya meningkatkan cara pemikiran mereka lebih daripada penonton kerana masyarakat seka-

rang sudah boleh menilai dan semakin bijak.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Pendidikan dan Pembangunan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Jas Laile Suzana Jaafar berkata, filem-filem bergenre seram tidak sesuai ditayangkan sewaktu sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Beliau berkata, stesen televisyen tempatan sepatutnya menggantikannya dengan filem berbentuk kekeluargaan.

Menurutnya, sudah menjadi trend sejak 10 tahun lalu, penggiat filem tempatan cenderung menghasilkan filem-filem seram kerana mendapat sambutan daripada masyarakat.

Keadaan itu katanya, menyebabkan penerbit filem kurang menghasilkan filem ber-konsepkan kekeluargaan.

“Oleh itu, stesen televisyen tiada pilihan selain menayangkan filem seram. Mereka tidak peduli pun tentang kesesuaian genre sesuatu filem itu. Apa yang penting ia dapat tarik orang ramai untuk menonton saluran mereka,” ujarinya.

Jas Laile Suzana berkata, bukan filem seram sahaja yang kelihatan memperbodohkan orang Melayu malah filem bergenre lain seperti komedi dan romantik turut memaparkan perkara yang sama.

“Kita tidak boleh lihat perkara ini daripada sudut filem seram sahaja. Jika diamati betul-betul filem yang bukan genre seram pun ada memaparkan unsur-unsur merendah dan memperbodoh masyarakat itu sendiri,” katanya.

### Apa kata mereka

**KEDATAN** Syawal tidak sepatutnya diraikan dengan tayangan filem hantu tahyul yang boleh memesongkan akidah

**AZRIZAL HASHRI**  
Pegawai sukan



**FILEM** seram tidak relevan ditayangkan ketika Aidilfitri kerana ia membunuh penghayatan umat Islam terhadap bulan mulia itu

**NADHIRAH MAZLAN**  
Pensyarah



**TAYANGAN** filem hantu yang melampau menyebabkan masyarakat tidak mendapat sebarang input berguna

**MOHD. FARHAN HAFIZ**  
**MOHD. NOZELI**  
Jurutera



Headline	Filem seram tempatan perbodohkan minda Melayu		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	2	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	304 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,643
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,930



HATTA



JAS LAILE